

# DRB-Hicom belum terima tawaran MMC-Gamuda

UM - 1 NOV 2003

KUALA LUMPUR 31 Okt. — DRB-Hicom Bhd. berkata sehingga kini pihaknya belum menerima apa-apa tawaran atau pelawaan daripada MMC-Gamuda untuk menjalankan projek landasan berkembar elektrik dari Ipoh ke Padang Besar dan dari Seremban ke Johor Bahru.

“Kita belum terima apa-apa, apa yang kita dengar mereka ada membuat pembedaan daripada kenyataan semalam dan mereka dikatakan akan membuat tawaran (kepada DRB-Hicom),

“Apa yang difahamkan MMC-Gamuda membetulkan semula kenyataan apabila DRB-Hicom mengeluarkan kenyataan yang

menafikan kenyataan MMC-Gamuda bahawa ia menolak tawaran untuk menyertai projek berkenaan,” kata jurucakap DRB-Hicom kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

MMC-Gamuda, semalam berkata pihak telah menawarkan hak menolak kepada tiga buah syarikat termasuk DRB-Hicom tetapi tiada satu antara mereka yang menerima tawaran itu.

Jurucakap itu berkata, berdasarkan Surat Anugerah yang diberikan Kerajaan 21 Oktober lalu, usaha sama MMC-Gamuda perlu menawarkan hak menolak kepada IRCON dan DRB-HICOM/Emrail, sebagai subkontraktor bagi

pelaksanaan kerja-kerja awam bahagian utara.

Sementara itu, jurucakap MMC-Gamuda dipetik oleh *theedgedaily.com* hari ini sebagai berkata, DRB-Hicom merupakan antara tiga syarikat yang akan diberikan tawaran.

Selain DRB-Hicom, dua syarikat lain ialah Emrail Sdn. Bhd., dan Hikmat Asia Sdn. Bhd..

“Kami yakin bahawa kerjasama tersebut akan berjalan lancar tetapi ia bergantung kepada penerimaan ketiga-tiga syarikat tersebut,” kata pegawai MMC-Gamuda lagi.

Projek pembinaan landasan berkembar itu telah diberi kepada

usaha sama MMC-Gamuda selepas berjaya menyerahkan bidaan pada harga RM14.45 bilion berbanding RM19 bilion yang ditawarkan oleh Indian Railway Construction Co. (IRCON) dan China Railway Engineering Corporation (CRET).

Projek landasan tersebut juga telah mendapat perhatian daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir yang menyatakan bahawa Kerajaan masih mengkaji sama ada projek landasan berkembar itu patut kekal sebagai inisiatif kerajaan kepada kerajaan.